

5 PRINSIP PENTADBIRAN

NAJIBRAZAK.COM

December 19, 2017

Pentadbiran Kerajaan di bawah pimpinan saya dan kabinet sejak 2009 sentiasa bertunjangan 5 Prinsip yang berfungsi sebagai penunjuk arah dalam memacu negara kepada kejayaan. Seajar dengan itu, suka saya memperkenalkan logo baharu bagi NajibRazak.com yang akan mencerminkan 5 Prinsip tersebut.

Prinsip Pertama: Ekonomi

Kita memberi banyak fokus ke arah memastikan ekonomi kita terus kukuh dan berdaya saing. Antara langkah pertama yang saya lakukan sebagai Perdana Menteri adalah memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi, atau ETP bagi memacu transformasi dan pertumbuhan ekonomi negara. Semenjak itu, ekonomi Malaysia telah [melangkah tapak demi tapak lebih kukuh](#), dan kita berjaya mengharungi ketidakstabilan ekonomi dunia hasil perancangan teliti Kerajaan dan kesanggupan kita melaksanakan apa yang perlu dan bukan apa yang popular. Anda boleh baca lebih lanjut mengenai [Visi Ekonomi saya Untuk Malaysia di sini](#).

Prinsip Kedua: Global

Menerusi dasar dan pendekatan yang kita laksanakan, kita berterusan mempunyai pengaruh yang kuat di persada antarabangsa. Antara lain, Malaysia telah berjaya dipilih sebagai [Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu](#) bagi tempoh 2015 hingga 2016, memainkan peranan penting dalam isu kemanusiaan global seperti Isu [Rohingya](#), [Palestin](#), selain terus menjalinkan hubungan baik dengan hampir kesemua negara di dunia. Hasil daripada hubungan baik ini, kita berjaya meningkatkan pelaburan asing ke Malaysia, menambah kuota Haji, dan bermacam-macam lagi.

Prinsip Ketiga: Berwawasan

Pemimpin-pemimpin negara sentiasa perlu memikirkan dan melaksanakan yang terbaik bukan sahaja ketika mengetuai negara, tetapi lebih daripada itu, untuk generasi dan waris negara di masa hadapan. Lantas, kita [memperkenalkan Transformasi Nasional 2050](#) untuk kita merencana bukan sahaja apa yang perlu dilakukan, tetapi juga bagi mendengar aspirasi dan harapan rakyat mengenai masa depan Malaysia yang kita cintai ini.

Prinsip Keempat: Rakyat di Hati

Segala apa yang kita lakukan, saya sering menekankan bahawa ia perlulah mengambil kira kepentingan rakyat. Rakyat perlu sentiasa Didahulukan. [Program Transformasi Kerajaan diperkenalkan berdasarkan kepada hasrat dan keinginan rakyat](#). Kita juga mengambil langkah seperti [memansuhkan subsidi pukal dan memperkenalkan subsidi bersasar](#), mengambil kira [pandangan serta pendapat rakyat seperti dalam pembentukan Bajet tahunan](#) dan juga dalam [TN50 yang mengguna pakai pendekatan bottom-up](#) serta banyak lagi.

Prinsip Kelima: Penyampaian atau “Delivery”

Segala apa yang kita rancangkan, perlulah disertai dengan “Delivery”, atau penyampaiannya. Alhamdulillah, di bawah Kerajaan Barisan Nasional, kita telah berjaya “Deliver” kepada rakyat hampir kesemua yang dijanjikan, daripada [Perumahan](#), Projek-projek berimpak tinggi yang berteraskan kepentingan rakyat atau [InfraRakyat](#), penyampaian kepada rakyat melalui [perkhidmatan awam](#), [Kesihatan](#), [Pendidikan](#) dan banyak lagi.

Insyaa-Allah, saya, kabinet dan Kerajaan Barisan Nasional akan terus berpegang kepada 5 Prinsip ini untuk terus memimpin Malaysia ke arah mencapai bukan sahaja impian dan cita-cita, tetapi untuk masa depan yang lebih gemilang dan cemerlang buat rakyat Malaysia kesemuanya.

©2017 Copyright Reserved NajibRazak.com, Blog, Featured Articles

Source: <https://www.najibrazak.com/bm/blog/5-prinsip-pentadbiran/>